

147 pokok berisiko ditebang

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menambah baik Pelan Pengurusan Pokok Rendang serta menyediakan panduan baharu dengan memberi fokus pokok berusia dan berisiko tinggi.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan garis panduan baharu itu dijangka siap Julai ini, namun pihaknya akan terus menjalankan kerja-kerja pemantauan terhadap pokok berisiko dengan mengambil kira aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Menurut kenyataan itu hingga kini sebanyak 175 pokok dikenal pasti berisiko tinggi iaitu sebahagian besarnya berusia melebihi 50 tahun dengan 147

daripadanya telah ditebang.

“DBKL menerusi kon-traktor yang dilantik telah menjalankan pemeriksaan ke atas pokok yang berusia lebih 30 tahun atau yang mempunyai ukur lilit melebihi 1.5 meter di sekitar Kuala Lumpur sejak 2019.

“
**Pemeriksaan
berkala
dilaksanakan
oleh arboris
bertauliah
DBKL**

“Pemeriksaan berkala telah dilaksanakan oleh arboris bertauliah dan pemeriksaan terakhir adalah pada Februari 2024 dengan 28 pokok telah dikenal pasti akan ditebang dalam tempoh terdekat,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menjelaskan pokok berisiko adalah merujuk kepada pokok yang berpotensi tinggi untuk mengalami kegagalan struktur serta

tumbang dan penilaian risiko pokok pula dilakukan dengan mengambil kira keadaan fizikal pokok di tapak.

“Jika keadaan pokok mendapati tidak memuaskan, penilaian lanjut diikuti dengan tindakan mitigasi seperti cantasan, rawatan akar atau penebangan pokok akan dilaksanakan,” menurut DBKL.

Dalam pada itu, pihak DBKL zahirkan dukacita dan takziah kepada kesemua mangsa yang terlibat dalam kejadian pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, Selasa lepas.

“Bagi mangsa yang terlibat, DBKL akan membantu untuk memudahkan cara apa-apa tuntutan kepada pihak yang sewajarnya dengan menghubungi talian 03-2617 9509 (Jabatan Kawangan) atau 03-2617 9236 (Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan),” menurut kenyataan itu.